

Pk. P.U. 45.

ENAKMEN SUMBER AIR PERAK 2023
PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR PERAK
(PENGABSTRAKAN DAN PELENCONGAN AIR) 2025

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PELESENAN

3. Aktiviti yang perlu berlesen
4. Permohonan lesen
5. Pengeluaran lesen
6. Syarat lesen
7. Tempoh lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Mengemukakan lesen
10. Perubahan butiran lesen

BAHAGIAN III
PENGgantian DAN PEMBATALAN LESEN

11. Penggantian lesen
12. Pembatalan lesen
13. Lesen disifatkan terbatal
14. Rayuan

BAHAGIAN IV

FI, CAJ DSB.

Peraturan

15. Pembayaran fi, deposit dan bayaran lain
16. Caj air
17. Pemasangan alat pengukuran atau perekodan air

BAHAGIAN V

KAWALAN AKTIVITI PENGABSTRAKAN AIR

18. Pengabstrakan air tanah
19. Penilaian kesan alam sekeliling
20. Ujian pengepaman air tanah
21. Pemantauan kualiti sumber air
22. Pembinaan dan penyelenggaraan telaga pemantauan
23. Pengabstraksan air permukaan

BAHAGIAN VI

KAWALAN AKTIVITI PELENCONGAN, DSB., ALIRAN AIR

24. Pelencongan, dsb., aliran air
25. Pelencongan air untuk penjanaan elektrik

BAHAGIAN VII

AM

26. Penyerahan balik lesen
27. Pengecualian
28. Pelanjutan masa
29. Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain
30. Penalti am
31. Pendakwaan
32. Pembatalan

JADUAL

ENAKMEN SUMBER AIR PERAK 2023
PERATURAN-PERATURAN SUMBER AIR PERAK
(PENGABSTRAKAN DAN PELENCONGAN AIR) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 93 Enakmen Sumber Air Perak 2023 [*Enakmen 18*], Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sumber Air Perak (Pengabstrakan dan Pelencongan Air) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Tafsiran

2. Apa-apa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberi kepadanya dalam Enakmen, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli geologi” ertinya ahli geologi yang berdaftar di bawah Akta Ahli Geologi 2008 [*Akta 689*];

“air permukaan” ertinya air dari mana-mana sumber air selain daripada air tanah dan air terawat;

“Enakmen” ertinya Enakmen Sumber Air Perak 2023 [*Enakmen 18*];

“Enakmen dimansuhkan” ertinya *The Ferries Enactment, 1901* [*Enactment No. 1 of 1901*], *Waters Act 1920* [*Act 418*] sejauh mana ianya terpakai kepada Negeri Perak dan Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 [*Enakmen 10*];

“fi” ertinya fi yang dikenakan berhubung dengan suatu lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual mengikut mana yang berkenaan;

“pelencongan air” ertinya kerja yang akan melencong, mengganggu atau menghalang aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air; dan

“pegawai pelesen” ertinya pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah di bawah seksyen 22 Enakmen.

BAHAGIAN II
PELESENAN

Aktiviti yang perlu berlesen

3. (1) Tertakluk kepada seksyen 45 Enakmen, tiada seorang pun boleh menggunakan sumber air Negeri bagi aktiviti berikut:

- (a) mengabstrak air daripada mana-mana sumber air; atau
- (b) melencong, mengganggu atau menghalang aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air,

tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Lesen di bawah perenggan (1)(b) untuk penjaan tenaga elektrik hanya boleh dikeluarkan oleh Pengarah dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Penjalanan aktiviti yang berlesen di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah tertakluk kepada dan dibaca bersama dengan peruntukan Enakmen dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya.

Permohonan lesen

4. (1) Permohonan bagi suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dan disertakan dengan—

- (a) fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual;
- (b) butiran pemohon, koordinat lokasi sumber air yang ingin digunakan dan maklumat pemilikan tanah berkaitan sumber air yang terlibat;
- (c) butiran mengenai aktiviti penggunaan sumber air yang ingin dijalankan;
- (d) anggaran jumlah penggunaan air bagi aktiviti tersebut; dan
- (e) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Pengarah boleh, selepas menerima permohonan lesen di bawah subperaturan (1), menghendaki pemohon atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis untuk hadir bagi pihaknya di hadapan Pengarah untuk ditemuduga.

(3) Fi permohonan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau ditolak oleh Pengarah.

Pengeluaran lesen

5. (1) Pengarah boleh menurut budi bicaranya, selepas menimbang suatu permohonan di bawah peraturan 4, melulus atau menolak permohonan itu.

(2) Pengarah hendaklah memaklumkan keputusannya di bawah subperaturan (1) kepada pemohon secara bertulis melalui apa-apa kaedah pemakluman yang bersesuaian.

(3) Pegawai pelesen hendaklah, sebaik permohonan lesen diluluskan oleh Pengarah atau Pihak Berkuasa Negeri, mengeluarkan lesen kepada pemohon tertakluk kepada—

- (a) pembayaran fi lesen pada kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual;
- (b) pembayaran deposit pada kadar dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah;
- (c) pemasangan alat pengukuran atau perekodan bacaan penggunaan air yang diluluskan oleh Pengarah bagi aktiviti yang ditentukan oleh Pengarah; dan
- (d) penyediaan suatu pelan kecemasan yang memadai dan pelan pengurusan termasuklah langkah-langkah jika berlakunya kepincangan kerja yang memberi kesan ke atas atau ancaman kepada sumber air atau kesihatan awam.

(4) Pengarah hendaklah menyimpan daftar lesen dalam bentuk yang difikirkannya sesuai.

Syarat lesen

6. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh ditentukan oleh Pengarah termasuklah bagi pemegang lesen untuk—

- (a) mengadakan dan menyelenggara suatu daftar yang lengkap berkenaan semua aset mengenai aktiviti yang dilesen, termasuk gambar rajah atau pelan yang bersesuaian dalam apa-apa format atau yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah daripada semasa ke semasa;
- (b) memberikan apa-apa bentuk maklumat dalam tempoh masa tertentu sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah;

- (c) pada setiap masa memastikan bahawa kesemua kakitangan pengurusan dan operasi yang utama, ejennya dan subkontraktornya mempunyai dan mengekalkan kelayakannya sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa, bagi tujuan melaksanakan, menguruskan atau mengendalikan aktiviti yang dilesen;
- (d) mematuhi undang-undang Malaysia yang berkaitan termasuklah tetapi tidak terhad kepada undang-undang tanah, pihak berkuasa tempatan dan alam sekitar;
- (e) menanggung rugi kerajaan, Lembaga dan Pengarah terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang diambil terhadap mereka yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh apa-apa pelanggaran atau kegagalan di pihak pemegang lesen; dan
- (f) mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga atau Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar syarat-syarat lesen adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Tempoh lesen

7. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sah selama tempoh dua tahun dan berakhir pada 31 Disember tahun terakhir lesen berkuat kuasa, melainkan jika—

- (a) dinyatakan selainnya dalam lesen itu, bagi tempoh yang kurang daripada lima tahun, dan akan berakhir pada 31 Disember tahun terakhir lesen itu berkuat kuasa; atau
- (b) lesen itu dibatalkan di bawah peraturan 12 atau 13.

Pembaharuan lesen

8. (1) Suatu permohonan untuk pembaharuan suatu lesen hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam tempoh tiga bulan sebelum 31 Disember dalam tahun terakhir lesen berkuat kuasa.

(2) Suatu permohonan pembaharuan suatu lesen hendaklah dikemukakan dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dan disertakan dengan fi permohonan sebagaimana ditetapkan dalam Jadual.

(3) Peraturan 4 hingga 7 hendaklah terpakai mutatis mutandis kepada apa-apa permohonan pembaharuan lesen.

Mengemukakan lesen

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan lesennya apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Perubahan butiran lesen

10. (1) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pengarah mengenai apa-apa perubahan pada butir yang direkodkan dalam lesen dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.

(2) Apabila perubahan kepada maklumat atau butiran lesen dikehendaki dibuat menurut subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesen kepada Lembaga untuk pindaan maklumat atau butir-butir lesen itu, tertakluk kepada pembayaran fi perubahan butiran lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN III

PENGGANTIAN DAN PEMBATALAN LESEN

Penggantian lesen

11. (1) Suatu permohonan penggantian lesen bagi lesen yang didapati hilang, cacat atau rosak hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Pengarah disertai dengan fi lesen pendua sebagaimana dinyatakan dalam Jadual.

(2) Pegawai pelesen hendaklah, sebaik Pengarah meluluskan permohonan penggantian lesen, mengeluarkan suatu salinan lesen dengan perkataan "PENDUA" diendorskan pada salinan lesen itu dalam bentuk yang sama dengan lesen yang asal.

(3) Suatu salinan lesen "PENDUA" yang dikeluarkan di bawah subseksyen 61(2) Enakmen hendaklah tertakluk kepada syarat dan mempunyai kesan yang sama dengan lesen asal.

(4) Suatu lesen asal yang dikeluarkan bagi aktiviti di bawah peraturan 3 hendaklah menjadi tidak sah untuk digunakan sebaik salinan lesen "PENDUA" dikeluarkan kepada pemegang lesen.

(5) Suatu permohonan penggantian lesen di bawah subperaturan (1) hanya boleh dipertimbangkan untuk diluluskan oleh Pengarah sebanyak satu kali sahaja sepanjang tempoh sah lesen yang asal.

(6) Suatu lesen PENDUA yang hilang atau musnah hendaklah dianggap sebagai terbatal tanpa prejudis kepada hak pemegang lesen untuk memohon lesen baharu di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pembatalan lesen

12. (1) Pengarah boleh, dalam mempertimbangkan pembatalan suatu lesen di bawah subseksyen 63(1) Enakmen, menghendaki pemegang lesen memberikan maklumat atau dokumen tambahan yang berhubungan dengannya.

(2) Pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta memberhentikan semua aktiviti dan kerja yang dijalankan di kawasan sumber air, sebaik menerima suatu notis bertulis di bawah subseksyen 63(4) Enakmen yang menyatakan suatu hasrat untuk membatalkan lesen.

(3) Pengarah boleh, dalam menyampaikan keputusan pembatalan suatu lesen di bawah subseksyen 63(6) Enakmen, menghendaki supaya pemegang lesen itu—

- (a) memberhentikan semua aktivitinya dengan serta-merta atau dalam suatu tempoh yang ditetapkan; dan
- (b) dengan sendirinya mengambil apa-apa langkah untuk mengembalikan dan memulihkan kawasan sumber air dalam suatu tempoh yang ditetapkan.

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Sekiranya pemegang lesen itu gagal mematuhi perenggan (3)(b), Pengarah boleh mengambil tindakan untuk mengembalikan dan memulihkan kawasan sumber air itu dan boleh mendapatkan kembali dari pemegang lesen itu, segala kos dan perbelanjaan berhubungan dengannya.

Lesen disifatkan terbatal

13. Pemegang lesen yang lesennya telah disifatkan terbatal secara automatik di bawah subseksyen 63(3) Enakmen hendaklah, dengan serta-merta setelah perintah atau perisytiharan itu diberikan oleh Mahkamah, memberhentikan semua aktiviti dan kerja yang dijalankan oleh pemegang lesen di kawasan sumber air itu.

Rayuan

14. (1) Suatu rayuan di bawah subseksyen 65(1) atau (3) Enakmen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah.

(2) Suatu rayuan di bawah subseksyen 65(1) atau (3) Enakmen tidak boleh dianggap sebagai membenarkan suatu penerusan aktiviti yang baginya lesen telah tidak diperbaharui atau dibatalkan, sehingga rayuan itu diputuskan.

BAHAGIAN IV

FI, CAJ DSB.

Pembayaran fi, deposit dan bayaran lain

15. (1) Segala fi dan deposit yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga mengikut apa-apa kaedah dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Segala fi dan apa-apa bayaran kecuali deposit yang telah dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dianggap menjadi hak milik Lembaga sepenuhnya dan hendaklah tidak perlu dikembalikan atau tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk dikembalikan kepada mana-mana pihak.

(3) Lembaga boleh memberi pengurangan atau mengecualikan apa-apa pembayaran di bawah subperaturan (1) atau apa-apa bayaran lain yang perlu dibayar oleh mana-mana orang di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Caj air

16. (1) Setiap pemegang lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana orang yang menggunakan air daripada sumber air Negeri bagi tujuan pengabstrakan atau pelencongan hendaklah membayar kepada Lembaga, caj bagi penggunaan sumber air yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 47 Enakmen, mengikut apa-apa kaedah dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

(2) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, bacaan penggunaan sumber air dalam ukuran meter padu atau dalam apa-apa ukuran lain yang ditetapkan oleh Pengarah pada setiap bulan, selewat-lewatnya pada 5 hari bulan pada bulan berikutnya, yang disukat menggunakan alat pengukuran atau perekodan bacaan air yang diluluskan oleh Pengarah atau sebagaimana yang dianggarkan oleh Pengarah.

Pemasangan alat pengukuran atau perekodan air

17. (1) Setiap aktiviti penggunaan sumber air yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dilengkapi dengan alat pengukuran atau perekodan bacaan air yang berfungsi sepenuhnya sepanjang tempoh sah lesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah, dengan perbelanjaannya sendiri, memasang dan memastikan alat pengukuran atau perekodan tersebut berada dalam keadaan baik bagi membolehkan bacaan penggunaan air disukat dengan tepat sepanjang tempoh sah lesen.

(3) Pengarah boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada kehendak di bawah subperaturan (1).

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN V

KAWALAN AKTIVITI PENGABSTRAKAN AIR

Pengabstrakan air tanah

18. (1) Tiada seorang pun boleh menebuk, menggali, menggerudi atau membina sebarang telaga termasuklah untuk mendalam, memperbesar atau mengubah telaga sedia ada bagi tujuan pengabstrakan air tanah, melainkan dengan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan 3(1)(a).

(2) Pemegang lesen hendaklah menjalankan aktiviti di bawah subperaturan (1) dengan seliaan seorang ahli geologi yang dilantik olehnya bagi maksud tersebut.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Pengarah boleh mengecualikan mana-mana orang daripada kehendak subperaturan (2).

Penilaian kesan alam sekeliling

19. Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengkehendaki mana-mana orang atau Pihak Berkuasa Awam untuk mengemukakan, dalam suatu tempoh masa yang ditentukan oleh Pengarah, suatu laporan penilaian kesan alam sekeliling yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar, jika pembangunan, aktiviti atau projek di kawasan yang ditetapkan adalah tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dan perundangan subsidiari di bawahnya.

Ujian pengepaman air tanah

20. (1) Apabila menerima suatu permohonan lesen di bawah peraturan 4, Pengarah boleh mengarahkan pemohon untuk menjalankan ujian pengepaman air tanah dalam satu tempoh masa yang ditetapkan.

(2) Ujian Pengepaman air tanah di bawah subperaturan (1) hendaklah dijalankan dengan seliaan seorang ahli geologi yang dilantik oleh pemohon.

(3) Suatu laporan ujian pengepaman air tanah yang disahkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengarah.

Pemantauan kualiti sumber air

21. (1) Pemegang lesen hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, menjalankan pemantauan kualiti sumber air pada kekerapan yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Laporan pemantauan kualiti sumber air hendaklah disahkan oleh makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengarah.

Pembinaan dan penyelenggaraan telaga pemantauan

22. (1) Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu, mengarahkan pemegang lesen membina dan menyelenggara telaga pemantauan bagi setiap telaga pengeluaran dalam suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengarah.

(2) Pemegang lesen hendaklah menanggung kos pembinaan dan penyelenggaraan telaga pemantauan tersebut.

Pengabstrakan air permukaan

23. (1) Tiada seorang pun boleh mengabstrak air permukaan melainkan dengan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan 3(1)(a).

(2) Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan pemegang lesen, mana-mana orang atau Pihak Berkuasa Awam, atas perbelanjaan mereka sendiri, untuk mengeluarkan, mengalihkan atau merobohkan apa-apa peralatan, struktur atau premis dari suatu kawasan abstraksi air atau untuk melakukan apa-apa kerja yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN VI**KAWALAN AKTIVITI PELENCONGAN, DSB., ALIRAN AIR****Pelencongan, dsb., aliran air**

24. (1) Tiada seorang pun boleh melencong, mengganggu atau menghalang aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air melainkan dengan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan 3(1)(b).

(2) Pemegang lesen bagi aktiviti pelencongan air hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, menjalankan pemantauan terhadap kuantiti, kualiti dan kadar alir air pada suatu tempoh masa dan melaporkannya secara bertulis dan berkala seperti yang ditetapkan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan pemegang lesen, mana-mana orang atau Pihak Berkuasa Awam, atas perbelanjaan mereka sendiri untuk mengeluarkan, mengalihkan atau merobohkan apa-apa peralatan, struktur atau premis dari suatu kawasan pelencongan air atau untuk melakukan apa-apa kerja yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pelencongan air untuk penjanaan elektrik

25. (1) Tiada seorang pun boleh melencong, mengganggu atau menghalang aliran semula jadi air dalam mana-mana sumber air untuk penjanaan elektrik melainkan dengan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah perenggan 3(1)(b).

(2) Pengarah boleh mengkehendaki pemegang lesen bagi aktiviti di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan laporan mengenai kemajuan kerja pembinaan, laporan operasi atau apa-apa laporan yang berkaitan jika difikirkan perlu.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan kadar aliran air minimum iaitu baki aliran untuk dialirkan ke hilir sungai adalah mengikut jumlah yang dinyatakan dalam lesen untuk sepanjang tempoh beroperasi.

(4) Seseorang pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN VII

AM

Penyerahan balik lesen

26. (1) Seseorang pemegang lesen boleh, atas apa-apa sebab yang munasabah, menyerahkan balik lesennya kepada Pengarah berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik lesen tersebut.

(2) Suatu lesen yang telah diserahkan balik hendaklah dibatalkan oleh Pengarah dengan pembatalan itu berkuat kuasa pada tarikh Pengarah menerima lesen dan notis di bawah subperaturan (1) atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah, tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyerahan balik dan pembatalan lesen tersebut, menampal satu notis yang sedemikian di tempat yang mudah dilihat di mana aktiviti berlesen dijalankan.

Pengecualian

27. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan mana-mana orang atau aktiviti daripada apa-apa kehendak lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini dan orang itu hendaklah mematuhi tanggungjawab seolah-olah dia ialah pemegang lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pengarah boleh mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Pelanjutan masa

28. Jika suatu tempoh masa dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana kehendak Pengarah supaya sesuatu tindakan dilaksanakan atau sesuatu syarat dipenuhi, orang yang berkenaan boleh memohon pelanjutan masa secara bertulis dan Pengarah boleh membenarkan pelanjutan masa itu sebagaimana yang disifatkan patut olehnya.

Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain

29. Pengeluaran mana-mana lesen atau kelulusan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan tidak mengecualikan pemegang lesen daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kebenaran atau kelulusan itu.

Penalti am

30. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini, jika tiada penalti diperuntukkan secara spesifik berhubung dengannya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan

31. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pembatalan

32. (1) Semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen dimansuhkan adalah dibatalkan dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa lesen yang diberikan di bawah perundangan subsidiari yang dibatalkan sebaik sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah kekal sah sehingga tamat tempoh lesen itu.

(3) Apa-apa permohonan lesen yang belum diputuskan oleh pihak berkuasa melesen di bawah perundangan subsidiari yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diuruskan mengikut Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL

[perenggan 4(1)(a), subperaturan 8(2), subperaturan 5(3),
subperaturan 10(2), peraturan 11]

Fi

(1) Bil.	(2) Jenis Fi	(3) Kadar Fi (RM)
1.	Fi permohonan	200.00 setiap permohonan
2.	Fi lesen (i) Pengabstrakan air	400.00 setahun
	(ii) Lencongan, dsb, aliran air	400.00 setahun
3.	Fi perubahan butiran lesen	50.00 setiap permohonan
4.	Fi lesen pendua	100.00 setiap permohonan

Dibuat 30 September 2025
[LPSA.PK.600-2/23/67; PU.Pk. 4/2025]

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

PERAK WATER RESOURCES ENACTMENT 2023
PERAK WATER RESOURCES
(ABSTRACTION AND DIVERSION OF WATER) REGULATIONS 2025

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II
LICENSING

3. Activities need to be licensed
4. Application of licence
5. Issuance of licence
6. Conditions of licence
7. Duration of licence
8. Renewal of licence
9. Submission of licence
10. Change of particulars of licence

PART III
REPLACEMENT AND REVOCATION OF LICENCE

11. Replacement of licence
12. Revocation of licence
13. Licence deemed revoked
14. Appeal

PART IV
FEES, DEPOSIT, ETC.

Regulation

15. Payment of fees, deposit and other payments
16. Water charges
17. Installation of water measurement or recording equipment

PART V
CONTROL OF WATER ABSTRACTION ACTIVITIES

18. Ground water abstraction
19. Environmental impact assessment
20. Ground water pumping test
21. Monitoring of water resource quality
22. Construction and maintenance of monitoring wells
23. Abstraction of surface water

PART VI
CONTROL OF DIVERSION, ETC., OF WATER FLOWS ACTIVITIES

24. Diversion, etc., of water flows
25. Diversion of water for electricity generation

PART VII
GENERAL

26. Surrender of licence
27. Exemption
28. Extension of time
29. Compliance with other written laws
30. General penalty
31. Prosecution
32. Revocation

SCHEDULE

PERAK WATER RESOURCES ENACTMENT 2023

PERAK WATER RESOURCES
(ABSTRACTION AND DIVERSION OF WATER) REGULATIONS 2025

IN the exercise of powers conferred by section 93 of Perak Water Resources Enactment 2023 [*Enactment 18*], the Perak Water Resources Management Board with the approval of the State Authority, made the following regulations:

PART I
PRELIMINARY**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Perak Water Resources (Abstraction and Diversion of Water) Regulations 2025**.

(2) These Regulations shall come into force on 1 January 2026.

Interpretation

2. Any words and phrases used in these Regulations shall have the same meaning as given to them in the Enactment, unless the context otherwise require—

“geologist” means a geologist registered under the Geologists Act 2008 [*Act 689*];

“surface water” means water from any water resource other than ground water and treated water;

“Enactment” means the Perak Water Resources Enactment 2023 [*Enactment 18*];

“repealed Enactment” means *The Ferries Enactment, 1901* [*Enactment No. 1 of 1901*], *Waters Act 1920* [*Act 418*] as far as it is applicable to the State of Perak and the Perak Coastal Management Enactment 2016 [*Enactment 10*];

“fee” means the fee imposed in relation to a licence as specified in the Schedule, where applicable;

“diversion of water” means any work that diverts, obstructs or disrupts the natural water flow in any water resources; and

“licensing officer” means the officer who was authorised in writing by the Director under section 22 of the Enactment.

PART II
LICENSING

Activities need to be licensed

3. (1) Subject to section 45 of the Enactment, no person shall use the State water resources for the following activities:

- (a) abstracting water from any water resources; or
- (b) diverting, obstructing or disrupting the natural water flow of any water resources,

without a licence issued by the Director under these Regulations.

(2) A licence under paragraph (1)(b) for the generation of electricity shall be issued by the Director only upon the approval of the State Authority.

(3) The carrying out of activities licensed under these Regulations shall be subject to and be read together with the provisions of the Enactment and any subsidiary legislation made thereunder.

Application of licence

4. (1) An application for a licence under these Regulations shall be made in the form as determined by the Director and be accompanied with—

- (a) the application fee as prescribed in the Schedule;
- (b) the particulars of the applicant, coordinates of the water resources location intended to be used and land ownership information relating to the water resources involved;
- (c) the particulars of the use of water resources activity intended to be carried out;
- (d) an estimation of the amount of water used for such activity; and
- (e) any other information or documents as determined by the Director from time to time.

(2) The Director may, after receiving an application of a licence under subregulation (1), require the applicant or his representative authorized in writing to appear on his behalf before the Director for an interview.

(3) The application fee shall not be refunded whether the application is approved or rejected by the Director.

Issuance of licence

5. (1) The Director may, after considering an application under regulation 4, approve or reject such application.

(2) The Director shall inform the applicant in writing of his decision under subregulation (1) by any appropriate means of notification.

(3) The licensing officer shall, as soon as the application of licence is approved by the Director or the State Authority, issue the licence to the applicant subject to—

- (a) the payment of the licence fee at the rate as specified in the Schedule;
- (b) the payment of a deposit at the rate and within the period determined by the Director;
- (c) the installation of measurement or recording equipment of water consumption readings approved by the Director for activities determined by the Director; and
- (d) the preparation of an adequate emergency plan and management plan including measures in the event of work irregularities affecting or threatening the water resources or public health.

(4) The Director shall maintain a register of licences in such form as he deems appropriate.

Conditions of licence

6. (1) A licence issued under these Regulations shall be subject to such terms and conditions as may be determined by the Director, including terms requiring the licensee to—

- (a) establish and maintain a complete register of all assets related to the licensed activity, including diagrams or plans in any appropriate form or containing any information as required by the Director from time to time;
- (b) furnish any form of information within a specified period as required by the Director;
- (c) ensure at all times that all key management and operational personnel, its agents and subcontractors possess and maintain their qualifications as determined by the Director from time to time, for the purpose of carrying out, managing or operating the licensed activities;
- (d) comply with all relevant laws of Malaysia including but not limited to land, local authority and environmental laws;

- (e) indemnify the government, the Board and the Director against any claims and proceedings brought against them arising out of or caused by any breach or failure on the part of the licensee; and
- (f) comply any other conditions as prescribed by the Board or the Director from time to time.

(2) A licensee who contravenes any condition of the licence commits an offence under these Regulations.

Duration of licence

7. (1) A licence issued or renewed under these Regulations shall be valid for a period of two years and shall expire on the 31 December of the final year of the licence in force, unless—

- (a) otherwise specified in the licence, for period of less than five years, and be expired on 31 December of the final year the licence in force; or
- (b) the licence is revoked under regulations 12 or 13.

Renewal of licence

8. (1) An application for renewal of a licence shall be submitted to the Director within three months before 31 December of the final year of the licence in force.

(2) An application for renewal of a licence shall be submitted in the form as determined by the Director and accompanied with the application fee as specified in the Schedule.

(3) Regulations 4 to 7 shall apply mutatis mutandis to any application for the renewal of licence.

Submission of licence

9. (1) The licensee shall produce his licence upon request by the Director or any authorised officer.

(2) A licensee who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or both.

Change of particulars of licence

10. (1) The licensee shall notify the Director in writing of any change to the particulars recorded in the licence within fourteen days from the date of such change.

(2) Where changes to the information or particulars of the licence are required pursuant to subregulation (1), the licensee shall surrender the licence to the Board for amendment of the information or particulars of such licence, subject to payment of the fee for changes of particulars of licence as specified in the Schedule.

(3) A licensee who contravenes subregulation (1) commits an offence under these Regulations.

PART III

REPLACEMENT AND REVOCATION OF LICENCE

Replacement of licence

11. (1) An application for the replacement of a licence which is lost, defaced, or damaged shall be made in writing to the Director and accompanied by the duplicate licence fee as specified in the Schedule.

(2) The licensing officer shall, as soon as the Director approves the application for the replacement of a licence, issue a copy of the licence with the word "PENDUA" endorsed thereon, in the same form as the original licence.

(3) A copy of a licence "PENDUA" issued under subsection 61(2) of the Enactment shall be subject to the same conditions and have the same effect as the original licence.

(4) The original licence issued for activities under regulation 3 shall become invalid to be used upon the issuance of the copy of licence "PENDUA" to the licensee.

(5) An application for the replacement of licence under subregulation (1) shall be considered for approval by the Director only once throughout the validity period of the original licence.

(6) A copy of licence "PENDUA" that is lost or destroyed shall be deemed as revoked without prejudice to the licensee's right to apply for a new licence under these Regulations.

Revocation of licence

12. (1) The Director may, in considering the revocation of a licence under subsection 63(1) of the Enactment, require the licensee to provide additional information or documents in relation thereto.

(2) The licensee shall immediately cease all activities and works being carried out in the water resources area, upon receiving a written notice under subsection 63(4) of the Enactment stating an intention to revoke the licence.

(3) The Director may, in issuing a decision for revocation of a licence under subsection 63(6) of the Enactment, require the licensee to—

- (a) cease all of its activities immediately or within a specified period; and
- (b) take necessary measures on its own to restore and rehabilitate the water resources area within a specified period.

(4) A licensee who contravenes this regulation commits an offence under these Regulations.

(5) If the licensee fails to comply with paragraph (3)(b), the Director may take measures to restore and rehabilitate the water resources area and may recover from the licensee, all costs and expenses incurred in connection therewith.

Licence deemed revoked

13. The licensee whose licence is deemed to have been automatically revoked under subsection 63(3) of the Enactment shall, immediately after the order or declaration is granted by the Court, cease all activities and works carried out by the licensee in the water resources area.

Appeal

14. (1) An appeal under subsections 65(1) or (3) of the Enactment shall be made in writing to the Director and accompanied by the appeal fee as specified in the Schedule.

(2) An appeal under subsections 65(1) or (3) of the Enactment shall not be deemed to permit any continuation of activities for which the licence has not been renewed or has been revoked, until the appeal is determined.

PART IV

FEES, CHARGES, ETC

Payment of fees, deposits and other payments

15. (1) All fees and deposits imposed under these Regulations shall be paid to the Board in such manner and method as determined by the Director from time to time.

(2) All fees and any payments excluding deposits paid under these Regulations shall be deemed the absolute property of the Board and shall not be refundable nor shall be any party entitled for such refund.

(3) The Board may grant a reduction or exemption of any payment under subregulation (1) or any other payment required to be paid by any person under these Regulations.

Water charges

16. (1) Every licensee under these Regulations or any person who uses water from the State water resources for the purpose of abstraction or diversion shall pay to the Board, the charge for the use of water resources prescribed by the State Authority under section 47 of the Enactment, in such manner and method as determined by the Director from time to time.

(2) The licensee shall submit to the Director, the readings of the water resource consumption in cubic metres or such other units as determined by the Director on a monthly basis, no later than the 5th day of the following month, measured using a water measurement or recording equipment approved by the Director or as estimated by the Director.

Installation of water measurement or recording equipment

17. (1) Every water resource usage activity licensed under these Regulations shall be equipped with a fully functional water measurement or recording equipment throughout the licence validity period.

(2) The licensee shall, at his own expense, install and ensure that such measurement or recording equipment is in good condition to enable accurate measurement of water consumption readings throughout the licence validity period.

(3) The Director may exempt any licensee from the requirements under subregulation (1).

(4) A licensee who contravenes subregulations (1) or (2) commits an offence under these Regulations.

PART V**CONTROL OF WATER ABSTRACTION ACTIVITIES****Ground water abstraction**

18. (1) No person shall bore, excavate, drill or construct any well including deepening, enlarging or altering an existing well for the purpose of ground water abstraction, except with a licence issued under paragraph 3(1)(a).

(2) The licensee shall carry out activities under subregulation (1) under the supervision of a geologist appointed by him for that purpose.

(3) A licensee who contravenes subregulation (2) commits an offence under these Regulations.

(4) The Director may exempt any person from the requirement under subregulation (2).

Environmental impact assessment

19. The Director may, at any time, require any person or Public Authority to submit, within a period of time determined by the Director, an environmental impact assessment report which have been approved by the Department of Environment, if the development, activity or project in a designated area is subject to the Environmental Quality Act 1974 [*Act 127*] and its subsidiary legislation made thereunder.

Ground water pumping test

20. (1) On receiving an application for a licence under regulation 4, the Director may direct the applicant to conduct a ground water pumping test within a specified period of time.

(2) The ground water pumping test under subregulation (1) shall be conducted under the supervision of a geologist appointed by the applicant.

(3) A ground water pumping test report certified by the Department of Minerals and Geosciences shall be submitted to the Director within a time period specified by the Director.

Monitoring of water resource quality

21. (1) The licensee shall, at his own expense, conduct water resources quality monitoring at such frequency as determined by the Board.

(2) The water resources quality monitoring report shall be certified by a laboratory accredited by the Department of Standards Malaysia and shall be submitted to the Director within a time period specified by the Director.

Construction and maintenance of monitoring wells

22. (1) The Director may, if he thinks necessary, direct the licensee to construct and maintain a monitoring well for each production well within a time period specified by the Director.

(2) The licensee shall bear the cost of construction and maintenance of such monitoring well.

Abstraction of surface water

23. (1) No person shall abstract surface water except under a licence issued under paragraph 3(1)(a).

(2) The Director may, at any time, direct the licensee, any person or a Public Authority, at their own expense, to remove or demolish any equipment, structure or premises from a water abstraction area or to carry out any work that the Director thinks necessary.

(3) A licensee who contravenes subregulation (2) commits an offence under these Regulations.

PART VI

CONTROL OF DIVERSION, ETC., OF WATER FLOWS ACTIVITIES

Diversion, etc., of water flows

24. (1) No person shall divert, obstruct or disrupt the natural water flow in any water resources except with a licence issued under paragraph 3(1)(b).

(2) The licensee for water diversion activities shall, at his own expense, carry out monitoring of the quantity, quality and flow rate of water over a period of time and report it in writing and at intervals as determined by the Director.

(3) The Director may, at any time, direct the licensee, any person, or Public Authority at their own expense, to remove or demolish any equipment, structure or premises from a water diversion area or to carry out any work which the Director thinks necessary.

(4) A licensee who contravenes subregulations (2) or (3) commits an offence under these Regulations.

Diversion of water for electricity generation

25. (1) No person shall divert, obstruct or disrupt the natural water flow in any water resources for electricity generation except with a licence issued under paragraph 3(1)(b).

(2) The Director may require any licensee for an activity under subregulation (1) to submit a report on the work construction progress, an operational report or any relevant report if he thinks necessary.

(3) The licensee shall ensure the minimum water flow rate, being the remaining flow to be released downstream complies with the amount specified in the licence throughout the operational period.

(4) A licensee who contravenes subregulations (2) or (3) commits an offence under these Regulations.

PART VII
GENERAL

Surrender of licence

26. (1) A licensee may, for any reasonable cause, surrender his licence to the Director together with a written notice of such surrender.

(2) A licence that has been surrendered shall be cancelled by the Director, and the cancellation shall take effect on the date the Director receives the licence and the notice under subregulation (1) or on such date specified in the notice.

(3) The licensee shall, not later than fourteen days from the date of surrender and cancellation of the licence, affix such notice of surrender in a conspicuous place at the location where the licensed activity was carried out.

Exemption

27. (1) The State Authority may exempt any person or activity from any requirement of a licence under these Regulations and such person shall comply with the obligations as if he were a licensee under these Regulations.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director may exempt any person from any provision of these Regulations.

Extension of time

28. Where a period of time is prescribed in these Regulations or under any requirement by the Director for the doing of any act or the fulfilment of any condition, the person concerned may apply in writing for an extension of time and the Director may grant such extension of time as he considers appropriate.

Compliance with other written laws

29. The issuance of any licence or approval under these Regulations does not validate any act or omission that requires a specific permission or approval under any other written law, nor shall it exempt the licensee from complying with the requirements of such other written law in respect of that permission or approval.

General penalty

30. Any person who contravenes or fails to comply with any provision of these Regulations, where no specific penalty is provided in relation thereto, commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

Prosecution

31. No prosecution for an offence under these Regulations shall be instituted except with the written consent of the Public Prosecutor.

Revocation

32. (1) All subsidiary legislation made under the repealed Enactment is hereby revoked and replaced with these Regulations.

(2) Any licence granted under the revoked subsidiary legislation immediately before the commencement of these Regulations shall continue to remain valid until its expiry.

(3) Any application for licences which has not been decided by the licensing authority under the revoked subsidiary legislation as at the commencement of these Regulations shall be dealt with in accordance with these Regulations.

SCHEDULE

[paragraph 4(1)(a), subregulation 8(2), subregulation 5(3),
subregulation 10(2), regulation 11]

FEES

(1) No.	(2) Types of fees	(3) Rate (RM)
1.	Application fee	200.00 per application
2.	Licence fee	
	(i) Abstraction of water	400.00 per year
	(ii) Diversion, etc., of water flow	400.00 per year
3.	Change of particular of licence fee	50.00 per application
4.	Duplicate licence fee	100.00 per application

Made 30 September 2025
[LPSA.PK.600-2/23/67; PU.Pk. 4/2025]

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA